

19 DEC 2001

Kadir-Rumah Terbuka

KEMENTERIAN MAHU JADIKAN RUMAH TERBUKA KEBANGSAAN ACARA TERBESAR

JOHOR BAHRU, 19 Dis (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mahu menjadikan rumah terbuka kebangsaan Aidilfitri yang akan diadakan di Dataran Bandaraya di sini Sabtu ini sebagai rumah terbuka yang terbesar pernah diadakan di negara ini.

Menterinya Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, semua lapisan masyarakat tempatan dan Singapura daripada pelbagai kaum dijemput hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis yang pertama kali diadakan di negeri ini.

Majlis rumah terbuka itu akan berlangsung dari pukul 10 pagi hingga 4 petang.

"Kementerian menerusi media cetak dan elektronik di Singapura menjemput rakyat negara itu bersama-sama meraikan rumah terbuka kebangsaan kerana adat kita yang tidak pernah mengabaikan negara jiran," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Menurut beliau, rumah terbuka kebangsaan akan memberi peluang pada kaum lain untuk bersama-sama merayakan Aidilfitri selain meningkatkan kesepakatan antara kaum di negara ini.

Selain pelbagai makanan tradisional dan pertunjukan kebudayaan, para tetamu juga akan dihiburkan dengan persembahan nyanyian artis tempatan dan luar negara, katanya.

Beliau turut mengesahkan kehadiran Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Sultan dan Menteri Besar Johor turut hadir memeriahkan perayaan rumah terbuka itu, katanya.

Beliau berkata Timbalan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong serta tujuh Menteri Kabinet republik itu juga mengesahkan kehadiran mereka di majlis rumah terbuka anjuran Kementerian dan Kerajaan Negeri.

Kadir berkata rakyat Singapura boleh datang ke majlis itu menggunakan perkhidmatan kereta api dari Tanjung Pagar dan perkhidmtan bas percuma yang akan membawa mereka dari Stesen Keretapi Johor Baharu ke Dataran Bandaraya.

Selain itu, pihak penganjur juga turut menyediakan perkhidmatan bas percuma dari Newton Circus di Singapura ke Dataran Bandaraya di sini.

-- BERNAMA

RAM AT HK PR